

## Sejarah tingkatan empat dengan pendekatan *Lesson Study* reflektif

Santiya Parthippen  
Sekolah Sukan Bukit Jalil  
Kompleks Sukan Negara 57000 Kuala Lumpur Wilayah Persekutuan, Malaysia

emel: [wjktl1999@gmail.com](mailto:wjktl1999@gmail.com)

Published: 30 December 2023

**To cite this article (APA):** Parthippen, S. (2023). Sejarah tingkatan empat dengan pendekatan Lesson Study reflektif. *Munsysi Jurnal Pengajian Sejarah*, 1(2), 9–23. <https://doi.org/10.37134/munsysi.vol1.2.2.2023>

### Abstrak

Kertas kerja ini membincangkan pelaksanaan *Lesson Study* Reflektif bagi subjek Sejarah di sebuah sekolah di Kuala Lumpur yang merangkumi proses merancang pengajaran, melaksanakan pembelajaran, dan refleksi berkumpulan. Ini termasuk juga butiran tentang mesyuarat sebelum dan selepas *Lesson Study* yang diadakan, perancangan serta pengimplementasian *Open Class Research*. Para guru yang terlibat ditemui bual untuk mendapatkan pandangan mereka terhadap pendekatan pembelajaran yang dijalankan selama hampir empat bulan. Selain itu, kaedah pemerhatian juga dilakukan terhadap murid-murid yang terlibat dan proses Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) untuk mendapatkan maklumat. Tujuan pengaplikasian dan merekodkan *Lesson Study* Reflektif adalah untuk menyebarkan amalan kerjasama guru dari proses perancangan sehingga kepada penghasilan rekod bertulis yang dapat membantu mereka dan para pendidik yang lain untuk dijadikan sebagai sumber yang membantu pengajaran mereka. Di samping itu, laporan *Lesson Study* Reflektif ini juga dapat menjadi rangka kerja sokongan untuk menjalankan *Lesson Study* yang baharu dan juga kajian pendidikan yang lain. Hasil pelaksanaan pendekatan ini menunjukkan bahawa kolaborasi antara guru dalam melaksanakan *Lesson Study* Reflektif dapat membawa kepada pelbagai aktiviti pengajaran yang berbeza yang dapat meningkatkan pemahaman murid. Aktiviti yang dipilih sepanjang melaksanakan sembilan waktu PdPc dalam bab ini juga didapati bersesuaian dengan tahap kebolehan murid serta dapat membuatkan mereka menumpukan perhatian yang lebih dalam kelas. Refleksi berkumpulan yang dijalankan bersama-sama dengan guru pemerhati bagi *Open Class Research* membantu guru membincangkan masalah-masalah pembelajaran dengan adanya perkongsian maklumat dan cadangan. Penulisan ini diharap dapat membantu para guru, pihak pentadbir, ibu-bapa serta orang awam mendapatkan gambaran sebenar proses pembelajaran di dalam kelas dan membuka ruang bagi pemerkasaan pengajaran subjek sejarah di Malaysia.

**Katakunci:** *Lesson Study*, *Open Class Research*, kolaborasi, pengajaran, pembelajaran

### Abstract

*This paper discusses the implementation of Reflective Lesson Study for history subject at a school in Kuala Lumpur which includes the process of planning and implementing the Lesson Study and group reflection. This also includes pre and post-lesson study meetings and open class research. The data collected was from interviews with teachers and also from the observation on students who involved in the classroom activities. This approach was practiced*

*and recorded to spread the teacher's collaboration from the planning to the production of written records that can help them and the educators to be used as a resource in their teaching. This recorded Lesson Study can also be a supporting framework for conducting the new Lesson Study or other lesson practices in the field of education. The result of the implementation shows that collaboration between teachers leads to various classroom activities that can help in students' learning. The activities chosen during nine hours learning in this unit also suitable for students' ability level and made them concentrate more in classroom. Group reflection on Open Class Research conducted together with all the participants teachers helps teachers discussed students' learning problems by sharing information and suggestions. Finally, this article is expected to help teachers, administrators, parents, and the public by describing the real situation of teaching and learning in the classroom.*

**Keywords:** *Lesson Study, Open Class Research, collaboration, teaching, learning*

## PENGENALAN


Kajian ini menghuraikan tentang *Lesson Study* Reflektif yang berasaskan kepada perancangan pengajaran yang melibatkan sekumpulan guru bagi subjek yang sama. Perlaksanaan *Lesson Study* Reflektif turut melibatkan guru daripada bidang yang lain sebagai pemerhati dan penyumbang saran bagi memperkasakan lagi proses pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan. Secara umumnya, ia merujuk kepada bentuk kajian tindakan bilik darjah yang spesifik yang memfokuskan pembangunan guru. *Lesson Study* Reflektif terdiri daripada empat bahagian tindakan iaitu (i) perancangan kolaboratif oleh para guru, (ii) pemerhatian pengajaran oleh rakan sekerja, (iii) refleksi analitik untuk membincangkan kekuatan dan kelemahan pembelajaran murid, dan (iv) kajian berterusan sehingga memperoleh keputusan yang diingini. Perbincangan di dalam makalah ini diharap memberi inspirasi kepada guru untuk berkolaborasi dan memperkasakan lagi proses pengajaran dan pembelajaran sejarah. Keupayaan murid juga dijadikan fokus penting dalam *Lesson Study* Reflektif kerana ia bertujuan memaksimumkan penglibatan murid dan memudahkan mereka menguasai isi pembelajaran.

## Latar Belakang

*Lesson Study* merupakan satu bentuk kajian tindakan bilik darjah yang spesifik yang memfokuskan pembangunan guru. *Lesson Study* atau *jugyou kenkyu* telah diasaskan dan digunakan di Jepun sejak tahun 1870-an dan kemudian diikuti oleh beberapa buah negara lain.<sup>1</sup> Austin dalam penulisannya menyatakan bahawa *Lesson Study* ialah satu bentuk kajian tindakan yang berasal dari Jepun.<sup>2</sup> *Lesson Study* ialah proses pembelajaran guru yang berterusan yang memerlukan amalan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru.<sup>3</sup> Kaedah ini melibatkan sekumpulan guru atau guru dan pentadbir sekolah dengan perancangan latar belakang pendidikan secara kolaboratif dalam aspek mengajar, memerhati, dan menganalisis pembelajaran. *Lesson Study* melibatkan kumpulan guru yang bermesyuarat secara berkala dalam tempoh masa dari beberapa bulan hingga setahun untuk mengusahakan reka bentuk pengajaran, membincangkan pelaksanaan pembelajaran, melaksanakan pembelajaran, dan membuat penambahbaikan satu atau beberapa penyelidikan pembelajaran yang telah dibuat sebelumnya.<sup>4</sup>

Melalui *Lesson Study*, guru terlibat secara langsung dalam proses pemikiran murid dengan merancang aktiviti secara kolaboratif yang bertujuan untuk mewujudkan amalan bilik darjah yang berkualiti tinggi.<sup>5</sup> Melalui proses *Lesson Study*, guru bertindak sebagai penyelidik

reflektif yang profesional dan memerhatikan tindakan mereka dan guru-guru sepasukan serta kesannya kepada pembelajaran murid.<sup>6</sup> Di samping itu, *Lesson Study* juga boleh melibatkan fasilitator yang berperanan untuk membimbing dan memantau pelaksanaan pendekatan ini.<sup>7</sup> Fasilitator tersebut boleh terdiri daripada kumpulan kajian mahupun orang luar yang berpengalaman.<sup>8</sup>



**Rajah 1:** Kitaran *Lesson Study* mod 4 mengikut kajian di *University of Fukui*, Japan  
**Sumber:** Professional Development of Teachers, DPDT ([fu-edu.net](http://fu-edu.net))

Rajah 1 memperlihatkan bahawa *Lesson Study* terdiri daripada enam komponen utama yang mengikut turutan, iaitu merancang pengajaran, melaksanakan pembelajaran, menjalankan *Open Class Research* (kajian kelas terbuka), membuat refleksi, membina semula aktiviti pengajaran hasil daripada refleksi, dan menulis laporan. Secara umumnya *Lesson Study* terdiri daripada empat bahagian tindakan iaitu perancangan kolaboratif oleh para guru, pemerhatian pengajaran oleh rakan sekerja, refleksi analitik untuk membincangkan kekuatan dan kelemahan pembelajaran murid, dan kajian berterusan sehingga memperoleh keputusan yang diingini.<sup>9</sup>

Menurut *Professional Development of Teachers* (DPDT), terdapat empat mod *Lesson Study*<sup>10</sup> yang dijalankan sejak awal pelaksanaannya sehingga kini. Mod pertama berpandukan senarai semak dan penilaian.<sup>11</sup> Dalam mod ini, guru merancang dan menjalankan pengajaran, sebelum akhirnya bergerak kepada unit pembelajaran yang baharu. Mod yang kedua pula menekankan perancangan dan verifikasi.<sup>12</sup> Guru sebagai perancang pembelajaran dikehendaki mengkaji kurikulum dan menetapkan matlamat yang hendak dicapai. Guru juga perlu merancang dan menjalankan pengajarannya. Mereka juga bertanggungjawab untuk membuat refleksi terhadap pembelajaran yang dijalankan. Kedua-dua mod di atas bertumpu kepada pengajaran guru berbanding pembelajaran murid. Penggunaan senarai semak oleh pentadbir dan para guru dalam sesi refleksi bagi kedua-dua mod di atas seakan-akan hanya menilai cara pengajaran guru. Oleh hal yang demikian, dengan peredaran masa, kaedah pembelajaran *Lesson Study* mula lebih menekankan proses pembelajaran murid berbanding pengajaran guru.

Mod ketiga bertumpu kepada pembelajaran berasaskan bukti yang memerlukan guru sebagai perekat bentuk yang membentuk pelan dan bahan pengajaran serta membina semula pengajaran hasil refleksi daripada murid dan para guru yang menjadi pemerhati.<sup>13</sup> Manakala mod yang keempat pula berbentuk pelbagai lingkaran dan guru membina semula reka bentuk pengajaran mengikut inkuiri murid. Mod yang keempat ini berfokuskan perkembangan pembelajaran murid dan guru membincangkan di mana dan bagaimana cara berkesan bagi memudahkan carakan

pembelajaran murid.<sup>14</sup> Melalui mod *Lesson Study* yang keempat ini, guru membuat refleksi terhadap proses pengajaran satu waktu dan juga refleksi yang menyeluruh bagi satu unit yang mungkin merangkumi 8 hingga 15 waktu pembelajaran. Guru juga perlu menulis laporan tentang pembelajaran murid dari perspektif jangka panjang. Penulis telah menjalankan *Lesson Study* Reflektif berpandukan mod 4.

*Open Class Research* adalah bahagian dalam *Lesson Study* Reflektif. Ia membolehkan pelbagai pihak yang hadir sebagai pemerhati dapat mengetahui cara pembelajaran dan penerimaan murid terhadap aktiviti yang dijalankan. Selain itu, ia memberikan peluang kepada pemerhati untuk melihat cara guru mengajar secara langsung. Pemerhati *Open Class Research* membantu guru tersebut dengan mencatat dan mengumpul maklumat seterusnya berkongsi maklumat dan pendapat mereka dengan guru tersebut dan pemerhati lain dalam kajian pasca pengajaran ataupun sesi inkuiri bersama. Hal ini memberi manfaat kepada guru yang melaksanakan *Lesson Study*, guru lain, guru pelatih, para penyelidik mahupun orang awam apabila mereka membaca dan menganalisis amalan pembelajaran semasa yang telah dijalankan dan direkodkan sebagai laporan bertulis di sekolah.

*Lesson Study* Reflektif di dalam kajian ini dilaksanakan bagi subjek Sejarah Tingkatan Empat. Bilangan murid Tingkatan 4 di dalam kelas kajian ialah seramai 18 orang iaitu 12 murid lelaki dan 6 orang murid perempuan. *Lesson Study* Reflektif dilaksanakan sepanjang bulan April hingga Julai 2022 dan melibatkan empat orang guru Sejarah yang mengajar Tingkatan Empat di sekolah tersebut. Guru yang menjalankan *Lesson Study* Reflektif ialah dua orang guru Sejarah yang mengajar kelas terbabit iaitu Guru A dan Guru B yang mengajar secara *co-teaching*. Seterusnya, dua orang guru Sejarah Tingkatan Empat juga turut terlibat dalam mesyuarat *Lesson Study* Reflektif untuk merancang dan membincangkan aktiviti. Beberapa orang guru daripada mata pelajaran lain juga terlibat sebagai pemerhati pada hari *Open Class Research* dan mereka juga turut terlibat dalam refleksi berkumpulan. Kebenaran dan sokongan daripada pihak pentadbir telah diperoleh supaya aktiviti dapat dijalankan dengan lancar.

*Lesson Study* Reflektif dijadikan salah satu amalan pengajaran kerana pendekatan ini menggalakkan pembelajaran bersama dan juga inkuiri bersama oleh para guru Sejarah yang terlibat. Guru sebagai pelajar sepanjang hayat akan terus belajar dengan berkongsi maklumat dan pengetahuan yang diperoleh dengan guru lain sewaktu menjalani proses *Lesson Study* di sekolah.<sup>15</sup> Hal ini seterusnya akan menjadikan kemahiran pembelajaran dan penyampaian berkembang dan pada masa yang sama meningkatkan keyakinan terhadap pengajaran mereka. *Lesson Study* Reflektif juga dapat mempraktikkan amalan bilik darjah yang baik kerana ia boleh menjadi alat untuk memperkenalkan idea yang baharu untuk mempelajari kekuatan murid.

*Lesson Study* Reflektif memberikan kebaikan kepada guru hasil kolaboratif antara mereka dalam proses pembelajaran yang boleh digunakan oleh guru untuk mengukur kemahiran mereka sendiri.<sup>16</sup> Memandangkan guru dan pemerhati akan berurusan dengan murid yang kebanyakannya pasif dalam aktiviti PdPc, teknik pengajaran interaktif diperlukan untuk mendapatkan respon yang baik daripada murid yang terlibat.

## PELAKSANAAN DAN PERJALANAN AKTIVITI

Langkah pertama pelaksanaan *Lesson Study* Reflektif ialah mereka bentuk pengajaran. Sebelum mereka bentuk pengajaran, target perlu dikenal pasti. Sebelum kelas dipilih, guru A

iaitu penulis telah bermesyuarat dengan tiga orang guru Sejarah yang lain dan menyatakan hasrat untuk menjalankan *Lesson Study* Reflektif bersama-sama. Guru A berkongsi pengalaman pendekatan *Lesson Study* Reflektif yang telah dilalui sewaktu belajar di Universiti Fukui, Jepun. Guru juga ditunjukkan video penglibatan Guru A dalam *Lesson Study* dan aktiviti *Open Class Research*. Setelah mendapatkan persetujuan daripada keempat-empat orang guru, langkah seterusnya ialah memilih kelas untuk menjalankan *Lesson Study*. Guru A memilih Tingkatan 4 kerana murid di kelas tersebut lemah dalam mata pelajaran Sejarah. Dengan pengimplementasian *Lesson Study* Reflektif yang menggunakan pelbagai cara penyampaian, maka ia diharap meningkatkan minat dan pemahaman murid tersebut terhadap subjek Sejarah.

Sebelum aktiviti dijalankan, Guru A cuba mengenal pasti sebab murid selalu mendapat gred yang rendah dalam subjek Sejarah. Kebanyakan murid yang terlibat menyatakan mereka tidak meminati subjek Sejarah kerana banyak fakta yang perlu dihafal. Terdapat juga murid yang mengatakan bahawa mereka cepat mengantuk kerana letih bersukan sejak pagi. Ini kerana semua murid yang terlibat dalam kajian ini terlibat dalam latihan sukan selama tiga hingga empat jam sehari. Hal ini menyebabkan mereka mudah berasa letih dan tertidur jika PdPc membosankan mereka. Selain itu, terdapat juga murid yang tidak fasih berbahasa Melayu dan sukar untuk memahami penerangan guru dalam Bahasa Melayu. Semua perkara ini diambil kira oleh Guru A dan dibincangkan bersama dengan guru Sejarah sebelum merancang aktiviti.

Setelah memilih kelas, seterusnya Guru A, Guru B dan dua orang guru Sejarah Tingkatan Empat sebulat suara memutuskan untuk memilih Bab 3 yang bertajuk ‘Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita’ daripada Buku Teks Sejarah Tingkatan Empat. Tema bagi bab tersebut ialah Konflik Dunia yang memberi fokus kepada Perang Dunia Pertama, Perang Dunia Kedua, dan Pendudukan Jepun di Malaysia. Pemilihan topik ini bersesuaian dengan urutan masa dalam Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT) sekolah. Selain itu, topik ini dianggap menarik oleh para guru terlibat dan ia sesuai untuk pelbagai aktiviti seperti perbincangan dan lakonan.

Dengan berpandukan Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran (DKSP), Guru A membuat pelan instruksional *Lesson Study* yang membincangkan topik secara ringkas dan jadual perancangan pelaksanaan aktiviti bagi Bab 3. Jangka masa proses pembelajaran bagi Bab 3 ditetapkan sebanyak sembilan hingga sepuluh jam. Sembilan Rancangan Pengajaran Harian (RPH) disediakan mengikut subtopik dan aktiviti yang bersesuaian. Guru A dan Guru B juga telah berbincang dan mereka bentuk RPH bersama-sama dengan mengambil kira dan mempertimbangkan tahap kebolehan serta penerimaan murid di kelas tersebut. Semua guru menerapkan aktiviti yang bersesuaian dengan Pendidikan Abad Ke-21 (PAK-21) seperti *Gallery Walk* dan *Hot Seat*. Pelan instruksional telah diberikan kepada pentadbir sekolah.

Jadual di bawah menunjukkan aktiviti-aktiviti yang telah dicadangkan bagi bab 3.

Tarikh	Waktu PdPc	Aktiviti yang dirancang bagi Bab 3
24 Mei 2022	PdPc 1	1. Tayangan video Perang Dunia Pertama. 2. Pembentukan 3 kumpulan murid
26 Mei 2022	PdPc 2	Pengumpulan maklumat oleh murid dan penyediaan bahan untuk pembentangan berkumpulan pada akhir unit bertajuk “Keamanan dunia penting untuk dipelihara bersama. Bincangkan.”

bersambung

Sejarah tingkatan empat dengan pendekatan *Lesson Study* reflektif

31 Mei 2022	PdPc 3	Penghasilan peta <i>i-Think</i> Perang Dunia Pertama oleh kumpulan-kumpulan yang dibentuk.
2 Jun 2022	PdPc 4	1. <i>Open Class Research</i> dijalankan. 2. Pembentangan peta <i>i-Think</i> dalam kumpulan baharu.
14 Jun 2022	PdPc 5	1. Tayangan video Perang Dunia Kedua. 2. Melabel negara-negara yang terlibat dalam Perang Dunia Kedua dalam peta dunia.
16 Jun 2022	PdPc 6	Aktiviti <i>Gallery Walk</i> (PAK-21) bagi tajuk Kedatangan Jepun ke Negara Kita dan Dasar Pendudukan Jepun di Negara Kita.
21 Jun 2022	PdPc 7	Aktiviti <i>Hot Seat</i> (PAK-21) bagi tajuk Perjuangan Rakyat Menentang Pendudukan Jepun.
23 Jun 2022	PdPc 8	Pembentangan terakhir soalan KBAT “Keamanan dunia penting untuk dipelihara bersama. Bincangkan.”
28 Jun 2022	PdPc 9	<i>Role Play</i> (PAK-21) era penjajahan oleh murid-murid dan kesimpulan Bab 3.

**Jadual 1:** Senarai aktiviti PdPc yang dirancang bagi keseluruhan Bab 3

Langkah kedua ialah menjalankan *Lesson Study* seperti yang dirancang. Aktiviti bab ini dimulakan dengan memberikan sehelai kertas kepada semua murid yang mengandungi dua gambar era Perang Dunia iaitu letupan bom di Hiroshima dan poster yang berbunyi “Asia untuk Orang Asia” berserta soalan “Apakah perasaan anda jika berada dalam situasi ini?”. Tujuan memberikan soalan berpandukan bahan rangsangan adalah supaya murid dapat melibatkan diri dengan memberikan pendapat mereka. Ia juga bertujuan bagi merangsang proses inkuiiri dalam diri mereka untuk mengetahui apa yang sebenarnya berlaku sewaktu era peperangan pada awal abad ke-20. Dengan ini, murid diharapkan tertarik untuk mencari maklumat selain daripada buku teks sebelum PdPc dijalankan. Semua aktiviti dijalankan mengikut jadual yang telah dicadangkan.

*Open Class Research* telah diadakan pada waktu keempat PdPc Bab 3. Dua hari sebelum *Open Class Research* dilaksanakan, pihak pentadbir dan guru dijemput untuk melawat kelas dan menjadi pemerhati pada hari kejadian. *Open Class Research* berjalan selama satu jam dan dihadiri oleh 12 orang pemerhati termasuk Pengetua dan Penolong Kanan Pentadbiran. Guru yang hadir adalah daripada pelbagai bidang merangkumi Bidang Bahasa, Bidang Kemanusiaan, Bidang Sains dan Matematik, dan Bidang Teknik dan Vokasional. Murid yang hadir pada hari tersebut ialah seramai 15 daripada 18 orang. Para pentadbir dan guru melihat dan merasai sendiri persekitaran PdPc yang dijalankan oleh Guru A dan Guru B. *Open Class Research* dijalankan di hadapan para jemputan yang memerhatikan proses pembelajaran di dalam kelas selain melihat cara penyampaian guru. Sebelum *Open Class Research* dijalankan, Guru A menyediakan dan mengedarkan pelan instruksional Bab 3 beserta RPH pada hari tersebut kepada semua pemerhati yang hadir. Ia bertujuan untuk memaklumkan isi kandungan pembelajaran dan aktiviti yang bakal dijalankan. Sebanyak tiga kamera telah diletakkan di tiga sudut kelas untuk merakam suasana PdPc. Sewaktu PdPc dijalankan, guru pemerhati mencatat perkara yang dilihat untuk dibincangkan semasa sesi reflektif berkumpulan seperti yang telah dijadualkan selepas itu.

Subtopik pada hari tersebut ialah Perang Dunia Kedua. Standard pembelajaran yang digariskan ialah menghuraikan perkembangan Perang Dunia Kedua dan menghubungkaikan iktibar dengan kesan peperangan. Objektif yang perlu dicapai pada akhir PdPc ialah supaya murid dapat menceritakan sebab dan peristiwa Perang Dunia Kedua dalam kumpulan baharu yang dibentuk. Murid juga perlu memberitahu sekurang-kurangnya tiga kesan Perang Dunia Kedua. Set induksi yang digunakan ialah tayangan video berdurasi lima minit yang menerangkan sebab berlakunya Perang Dunia Kedua. Setelah itu, murid-murid ditanya tentang negara yang terlibat dalam perang tersebut. Untuk bahagian perkembangan aktiviti, setiap tiga kumpulan diberikan tiga tajuk yang berbeza iaitu Faktor Perang Dunia Kedua, Peristiwa Perang Dunia Kedua, dan Berakhirnya Perang Dunia Kedua di Eropah. Setiap kumpulan telah menyiapkan peta *i-Think* bagi tajuk masing-masing dan membuat salinan yang secukupnya untuk setiap ahli dalam kumpulan tersebut.

Setelah perbincangan selama 5 minit dalam kumpulan, setiap ahli membawa salinan masing-masing dan bergerak membentuk tiga kumpulan yang baharu. Ahli-ahli tadi akan membentang dalam kumpulan yang baharu. Setelah pembentangan selama 40 minit, setiap kumpulan diedarkan sehelai kertas bersaiz A4, dan setiap murid secara bergilir menulis pandangan mereka terhadap konflik dunia yang telah berlaku. PdPc berakhir dengan beberapa orang murid menyatakan pandangan mereka serta membuat refleksi terhadap apa yang telah dipelajari. Guru memberikan respon terhadap jawapan murid dan merumuskan kandungan topik yang dipelajari sebelum mengakhiri PdPc.

TARIKH/HARI: 2 JUN 2022 [KHAMIS]	TINGKATAN: 4 ASIA	MASA : 9-10 pagi
Mata Pelajaran	SEJARAH	
Tema	PEMBINAAN NEGARA	
Tajuk	PERJUANGAN RAKYAT KE ARAH KEMERDEKAAN TANAH AIR	
Standard Kandungan/Sub-tajuk	10.1 KONFLIK DUNIA (Konflik Dunia dan Pendudukan Jepun di Negara Kita)	
Standard Pembelajaran	10.1.3 Menghuraikan perkembangan Perang Dunia Kedua (PD2) K10.1.7 Menghubungkaikan iktibar dengan kesan peperangan	
Objektif Pembelajaran	Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid-murid dapat:  1. Menceritakan sebab Perang Dunia Kedua dalam kumpulan. 2. Menceritakan peristiwa Perang Dunia Kedua dan kesannya.	
Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	<b>SET INDUKSI</b> 1. Murid-murid ditayangkan video pendek tentang PD2. Murid-murid ditanya tentang negara-negara yang terlibat dalam PD2. <b>PERKEMBANGAN</b> 1. Murid-murid telah dibahagikan kepada 3 kumpulan (A,B,C) pada awal unit dan telah menyiapkan peta minda bagi tajuk masing-masing. 2. Kumpulan baharu dibentuk dengan menggabungkan ahli kumpulan A,B,C. 3. Ahli-ahli kumpulan baharu akan berdiskusi tentang PD2. Setiap ahli kumpulan akan membentangkan bahagian tajuk asal masing-masing. Sesi soal-jawab berlangsung. 4. setiap kumpulan diedarkan satu helai kertas dan diminta untuk menulis pandangan mereka terhadap peperangan. <b>PENUTUP</b> Sesi refleksi bersama pelajar dan guru merumuskan pengisian pembelajaran.	
EMK / Nilai	1. Cinta akan negara	
Bahan Bantu Belajar (BBB)	Buku teks, Modul,projektor, laptop	
Penilaian PdPc	pembentangan	
Refleksi		

Rajah 2: RPH bagi aktiviti *Open Class Research*

Langkah seterusnya ialah refleksi. Refleksi secara individu dan berpasangan telah dijalankan dengan Guru B setelah setiap waktu PdPc tamat. Refleksi adalah penting untuk guru membuat penilaian terhadap cara pengajaran dan pemudahcaraan mereka dan seterusnya membuat perubahan untuk PdPc yang seterusnya. Refleksi berkumpulan juga dijalankan selama satu jam 15 minit di pusat sumber sekolah seminggu selepas *Open Class Research* diadakan. Perjumpaan diadakan bersama enam orang guru yang terlibat sebagai pemerhati pada hari tersebut. Guru yang hadir untuk sesi refleksi berkumpulan terdiri daripada guru yang mengajar subjek Sejarah, Pendidikan Moral, Geografi, Bahasa Melayu, dan Pendidikan Islam. Beberapa orang guru dalam kumpulan tersebut juga memegang jawatan sebagai Ketua Bidang Kemanusiaan dan Ketua Panitia Sejarah. Pelbagai idea dan cadangan dibincangkan hasil daripada pemerhatian bersama.

Langkah keempat ialah mereka bentuk semula PdPc yang telah dijalankan. Setelah menghabiskan Bab 3 bersama murid-murid dan juga refleksi berterusan oleh guru secara individu mahupun berkumpulan, penambahbaikan telah dilaksanakan untuk digunakan dalam PdPc yang akan datang. Aktiviti yang difikirkan sesuai dimasukkan dan aktiviti-aktiviti yang dirasakan tidak sesuai dengan kebolehan murid dikeluarkan. *Lesson Study* Reflektif yang merupakan satu kitaran yang berterusan direkodkan dalam bentuk bertulis oleh Guru A sebagai langkah terakhir dan disimpan sebagai satu aktiviti Panitia Sejarah. Tujuan perekodan adalah untuk dijadikan sebagai rujukan bagi guru-guru tersebut dan guru-guru subjek lain untuk menambah baik PdPc mereka dan juga sebagai panduan untuk menjalankan *Lesson Study* yang akan datang.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Pengimplementasian *Lesson Study* Reflektif di sekolah kajian ini merupakan satu langkah yang baharu dalam membantu murid memahami dan mempelajari mata pelajaran Sejarah dengan lebih yakin dan bersemangat. Tidak dapat dinafikan bahawa subjek Sejarah memerlukan penguasaan fakta yang baik dan murid perlu menguasai Kemahiran Pemikiran Sejarah (KPS) seperti memahami kronologi, membuat imaginasi, dan membuat rasionalisasi untuk memahami kandungan dan mencapai objektif pendidikan Sejarah dalam subtajuk pembelajaran. Penggunaan pendekatan *Lesson Study* Reflektif dalam subjek Sejarah Tingkatan Empat membolehkan guru Sejarah Tingkatan Empat berkolaborasi untuk menghasilkan RPH yang menepati keperluan DSKP Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Dengan mengadakan perjumpaan bersama guru yang terlibat dalam projek ini beberapa kali, material pembelajaran yang bersesuaian dapat dicari hasil perbincangan dan persetujuan bersama. Guru A dan Guru B bersama-sama menghasilkan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang berkualiti sesuai dengan tahap kebolehan murid-murid 4 Asia.

Sebagai contohnya, menyediakan modul yang mengandungi nota serta latihan kepada murid. Modul yang dihasilkan untuk murid 4 Asia adalah lebih mudah difahami kerana menggunakan ayat yang mudah dan mempunyai peta grafik yang tidak rumit. Aktiviti yang dijalankan juga mengambil kira tahap penguasaan dan kebolehan murid dalam subjek Sejarah. Misalnya, menggunakan aras pemahaman yang lebih rendah dan sederhana seperti mengetahui dan mengaplikasi. Soalan-soalan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) seperti menilai, menganalisis, mengaplikasi, dan mencipta juga digunakan dalam aktiviti berkumpulan seperti *Gallery Walk* dan *Role Play*. Namun begitu, guru sentiasa memantau dan membimbing murid sewaktu menjawab dan melakukan aktiviti yang memerlukan tahap pemikiran yang tinggi.

Guru A dan Guru B juga memastikan untuk menerapkan KPS dalam menjalankan aktiviti PdPc di dalam kelas. Antara KPS yang digunakan ialah memahami kronologi. Kemahiran ini membolehkan murid-murid 4 Asia menyusun peristiwa konflik dunia berdasarkan turutan kejadian dan masa. Misalnya, penggunaan garis masa atau turutan peristiwa untuk menjelaskan Perang Dunia Pertama hingga Perang Dunia Kedua. Murid diminta untuk bergilir-gilir melengkapkan garis masa di papan tulis untuk melihat sejauh mana mereka mengingati peristiwa yang berlaku mengikut urutan yang sebenarnya. Dengan memahami kronologi peristiwa, murid-murid dapat menceritakan semula peristiwa mengikut turutan yang betul.

Melalui proses KPS dalam PdPc yang dijalankan, murid dapat memahami sesuatu peristiwa masa lalu dari perspektif yang berbeza, misalnya dengan kemahiran membuat imaginasi, murid dapat meletakkan diri mereka secara imaginatif dalam situasi seorang tokoh mahupun peristiwa. Sebagai contohnya, dalam RPH yang terakhir sebelum menghabiskan bab 3, murid terlibat dalam aktiviti main peranan dengan melakonkan kehidupan era panjajahan. Murid bebas memilih sendiri peristiwa yang ingin dilakonkan.

Kumpulan A melakonkan peristiwa Perang Dunia Pertama, Kumpulan B melakonkan peristiwa kekejaman Jepun, dan Kumpulan C melakonkan kerjasama rakyat Tanah Melayu pada era penjajahan Jepun. Walaupun hanya diberikan masa 5 hari di luar waktu sekolah, setiap kumpulan dapat menyediakan skrip dan membuat lakonan yang baik dan mudah difahami oleh guru dan kumpulan yang lain. Dengan memainkan watak sebagai tokoh pemimpin dan rakyat yang berjuang untuk kebebasan tanah air, murid dapat melihat Sejarah secara empati dan mendalami karakter yang dimainkan. Hal ini menjurus ke arah penerapan nilai cinta akan negara berlandaskan prinsip-prinsip Rukun Negara.

Guru Sejarah juga berkolaborasi dengan memberikan idea yang pelbagai dalam melaksanakan aktiviti yang bersesuaian dengan Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21). Pengimplementasian aktiviti yang sesuai dengan pembelajaran cara moden dan terkini seperti *Gallery Walk*, *Role Play*, peta *i-Think* dan *Hot Seat* memudahkan murid berkolaborasi memberikan sumbangan dalam kumpulan mereka sekaligus menjadi ahli aktif dalam kumpulan masing-masing. Dalam aktiviti berkumpulan yang dijalankan, hampir setiap ahli kumpulan cuba untuk melibatkan diri dan membuat tugas mereka dengan baik. Ini menyebabkan kurangnya bilangan murid yang menjadi ahli pasif atau ‘*free-rider*’ dalam kumpulan mereka apabila masing-masing memahami peranan mereka dalam kerja berkumpulan.

PAK-21 berfokuskan kepada pembelajaran berpusatkan pelajar yang memerlukan murid merancang serta menjalankan aktiviti dengan mencari dan mengumpulkan maklumat selain daripada buku teks. Murid yang terlibat dalam kajian ini menjalankan tugas berkumpulan untuk menjalankan aktiviti *Gallery Walk*, pembentangan, dan lakonan. Untuk itu, mereka mencari dan mengumpul maklumat dengan berbincang dan membuat rujukan daripada bahan rujukan tambahan. Mereka juga mendapatkan maklumat yang diperlukan dengan melayari internet. Aktiviti yang dijalankan ini dapat meningkatkan Kemahiran Abad Ke-21 murid seperti mahir berkomunikasi, bersifat ingin tahu, dan kerja sepasukan seperti yang dikehendaki dalam DSKP.

Kelebihan kolaborasi antara guru untuk memilih aktiviti yang bersesuaian memudahkan tugas guru dan guru tidak perlu risau akan kekurangan idea untuk mempelbagaikan aktiviti pengajarannya. Dengan adanya *Lesson Study* ini, Guru A dan Guru B dengan mudah dapat mengumpulkan aktiviti yang bersesuaian untuk sembilan hingga sepuluh waktu PdPc bagi Bab 3. Perbincangan guru A dan B membolehkan mereka tampil dengan pelbagai strategi

pembelajaran yang bersesuaian. Idea tersebut disesuaikan dan digunakan dalam merancang aktiviti bagi keseluruhan bab. Hasilnya, murid dapat mengikuti pembelajaran dengan selesa kerana aktiviti yang dipilih bersesuaian dengan tahap pemahaman murid di kelas tersebut yang kebanyakannya lemah dalam subjek Sejarah.

Pendekatan *Lesson Study* Reflektif menekankan refleksi guru sewaktu menjalankan PdPc dan juga setelah menjalankan PdPc untuk membaiki penyampaian mereka demi mencapai matlamat yang disasarkan iaitu meningkatkan pemahaman murid terhadap kandungan topik. *Reflection-in-action* berlaku semasa guru menjalankan PdPc iaitu refleksi serta-merta daripada guru. Guru membuat perubahan yang perlu pada waktu itu juga supaya mencapai objektif pembelajaran semasa. Sebagai contohnya, sewaktu menjalankan PdPc yang ke-3, Guru A sedar bahawa murid memerlukan masa tambahan untuk menyiapkan peta *i-Think* yang bersesuaian dengan tajuk mereka. Guru A telah menyesuaikan waktu aktiviti dengan memberi masa tambahan untuk menyiapkan peta grafik tersebut dan mengurangkan masa latihan pengukuhan dan menyuruh mereka menyiapkannya selepas waktu persekolahan. Selain itu, beberapa kali juga Guru A menukar bentuk soalan apabila mendapati murid mengalami kesukaran untuk menjawab soalan-soalan tertentu. Sebagai contohnya guru mengubah soalan “*Apakah kepentingan menjaga kedaulatan negara daripada diancam kuasa luar?*” kepada “*Mengapakah kita perlu mempertahankan negara kita daripada ancaman kuasa asing?*”. Walaupun kedua-dua soalan hampir sama, namun soalan kedua dilihat lebih mudah difahami oleh murid yang terlibat. *Reflection-in-action* berlaku apabila guru memberi perhatian terhadap pembelajaran murid di dalam kelas dan cuba untuk menyelesaikan masalah yang berlaku secepat yang mungkin supaya tidak mengganggu pembelajaran murid dan dapat mencapai objektif yang disasarkan.

*Reflection-on-action* pula berlaku setelah PdPc tamat dan guru secara individu mahupun berkumpulan cuba menilai kembali peristiwa yang berlaku dan cuba untuk mencari cara penyelesaian kepada sesuatu masalah. *Reflection-on-action* membolehkan guru membaiki kesilapan atau membuat yang terbaik daripada apa yang telah dijalankan sebelumnya. Setelah setiap PdPc dijalankan oleh Guru A dan Guru B, kedua-dua guru tersebut memperuntukan masa untuk berbincang dan menilai kembali apa yang telah dijalankan oleh mereka sewaktu berada di dalam kelas. Perbincangan tentang cara murid belajar menjadi fokus utama. Sebagai contohnya, berapa orang murid dapat mencapai objektif yang diinginkan dalam PdPc tersebut? Adakah semua murid dapat memahami kandungan yang disampaikan? Adakah murid yang lemah dapat membuat latihan tanpa bantuan guru atau adakah mereka memerlukan perhatian yang khusus? Adakah aktiviti yang dijalankan bersesuaian dengan murid A, murid B, dan murid C? Soalan berkenaan dikemukakan supaya penyelesaian dapat dicari dan membolehkan penyampaian menjadi lebih baik pada waktu PdPc yang seterusnya.

Guru A dan Guru B seterusnya memutuskan aspek yang perlu diperbaiki dalam PdPc yang seterusnya sekiranya mereka perlu mengulangi kandungan yang sama. Guru B yang menjadi guru kedua lebih menumpukan perhatian kepada murid secara individu semasa Guru A membuat penyampaian kandungan topik dan memberi fokus kepada murid-murid secara keseluruhan. Dengan adanya *co-teaching*, kedua-dua guru dapat saling membantu dalam membincang dan memilih kaedah penyampaian yang berkesan apabila dapat memahami cara pembelajaran murid secara individu. *Reflection-on-action* juga dibuat bersama guru-guru pemerhati yang terlibat dalam *Open Class Research*.

### ***Open Class Research***

*Open Class Research* yang dijalankan mendapat sambutan yang baik daripada warga sekolah. Dengan penglibatan Pengetua, Penolong Kanan Akademik dan Pentadbiran, dan sepuluh orang guru yang lain sebagai pemerhati, ini merupakan satu pengalaman yang baharu bagi kedua-dua orang guru yang melaksanakan PdPc. *Open Class Research* dijalankan supaya guru melihat cara penyampaian PdPc yang sebenar oleh guru lain. Fokus utama mengadakan *Open Class Research* adalah untuk membantu guru yang menjalankan aktiviti tersebut dengan menjadi mata tambahan yang akan memerhati murid dengan lebih dekat. Kebanyakan sekolah di luar negara, mempraktikkan budaya ini di mana ibu bapa, pihak berkepentingan, penyelidik dan orang awam juga dijemput untuk memerhatikan sendiri suasana pembelajaran yang sebenarnya. Hal ini memberi peluang kepada ibu bapa untuk melihat cara pembelajaran anak mereka di dalam kelas, seterusnya mengenal pasti cara pembelajaran yang terbaik bagi anak mereka. Setelah tamatnya PdPc, refleksi berkumpulan akan dijalankan dan dirakamkan menggunakan media elektronik supaya cadangan penambahbaikan dapat direkodkan dan digunakan untuk menambah baik proses pembelajaran di dalam kelas.

Pada hari kejadian, guru hadir sebagai pemerhati dan memantau cara pembelajaran murid. Setiap guru yang hadir daripada pelbagai bidang dan subjek memerhatikan murid membuat aktiviti dalam kumpulan yang kecil. Terdapat juga guru yang mencatat apa yang diperhatikan oleh mereka ke dalam buku catatan mereka. Murid dipantau secara keseluruhan. Ia termasuk (i) maklumat yang ditulis dalam peta *i-Think*, (ii) perbincangan dalam kumpulan asal, (iii) pergerakan murid sewaktu membentuk kumpulan yang baharu bagi mewakili kumpulan asal mereka sebagai pembentang, (iv) cara dan gaya pembentangan murid, (v) cara murid berinteraksi sesama mereka dan juga bersama guru, dan (vi) pemahaman murid melalui refleksi di akhir pembelajaran.

Terdapat juga guru membantu murid-murid yang lemah dalam Bahasa Melayu dengan menjadi pemudahcara supaya mereka faham pembentangan rakan yang lain. Namun begitu, mereka tidak terlalu melibatkan diri dan cuba untuk tidak terlalu banyak berkomunikasi dengan murid supaya tidak mengganggu proses PdPc yang sedang berlaku. Terdapat juga beberapa orang murid yang biasanya kurang menumpukan perhatian di dalam kelas, tetapi pada hari tersebut telah menunjukkan kelakuan yang baik dan terlibat aktif dalam pembentangan. Hal ini mungkin kerana mereka mahu menunjukkan keperibadian yang baik di hadapan pentadbir sekolah dan guru subjek yang lain. Pada akhir PdPc, murid menulis pandangan mereka tentang konflik dunia yang telah dan sedang berlaku. Antaranya ialah:

***Murid A:*** *Pengajaran yang saya peroleh ialah jika kita menghormati antara satu sama lain dan bekerjasama, kita mungkin dapat menyelamatkan negara daripada berpecahbelah dan berperang.*

***Murid B:*** *Kita haruslah menghargai semangat kemerdekaan yang ditunjukkan pada zaman dahulu kerana mereka bertungkus-lumus untuk memperjuangkan kemerdekaan negara.*

***Murid C:*** *Kanak-kanak pada zaman tersebut mempunyai hati yang kental dan tabah untuk meneruskan kehidupan.*

*Open Class Research* membantu pasangan guru yang menjalankan *co-teaching* kerana banyak maklumat berjaya dikumpulkan hasil daripada pemerhatian guru yang menghadiri PdPc tersebut. Setelah tamatnya PdPc, beberapa orang guru yang terlibat memberikan pandangan mereka dalam bentuk bertulis dan lisan. Guru yang berperanan sebagai pemerhati dimaklumkan sejak awal bahawa penglibatan mereka pada hari tersebut bukan untuk menilai kecekapan pengajaran guru tetapi untuk membantu guru memerhati pembelajaran, tingkah laku murid dan seterusnya berkongsi pendapat untuk memantapkan lagi proses PdPc.

Pentadbir dan guru yang hadir tidak menggunakan sebarang borang penilaian untuk menilai guru yang mengajar. Ini kerana mereka sedia maklum bahawa pelaksanaan kelas terbuka adalah untuk mendapatkan maklumat tentang pembelajaran murid dan bukan untuk memberi penilaian kepada guru. Meja dan kerusi untuk guru pemerhati tidak disediakan supaya pemerhati dapat bergerak dengan bebas dan memantau murid dengan lebih dekat dan secara individu. Pembukaan kelas kepada pentadbir dan guru yang mengajar subjek lain dapat memberikan mereka pengetahuan tentang pembelajaran subjek Sejarah. Guru subjek lain juga dapat memberi pandangan daripada perspektif subjek mereka sewaktu sesi reflektif berkumpulan.

### **Refleksi Berkumpulan**

Refleksi berkumpulan yang dijalankan selepas *Open Class Research* telah mengumpulkan guru daripada pelbagai subjek untuk berbincang tentang PdPc yang telah dilaksanakan. Perjumpaan selama satu jam 15 minit memberi pelbagai manfaat bukan hanya kepada Guru A, Guru B, dan guru subjek Sejarah yang lain, malah turut membantu guru subjek lain untuk mendalami masalah pembelajaran murid. Guru yang hadir kebanyakannya sedang mengajar atau pernah mengajar murid yang terlibat dalam kajian ini. Hal ini membolehkan mereka mengenali murid tersebut dengan lebih dekat. Mereka juga sedia maklum tentang masalah pembelajaran di dalam kelas tersebut dan mengalami pengalaman yang hampir sama dengan Guru A dan Guru B. Misalnya, beberapa orang murid di dalam kelas tersebut sering menunjukkan sifat pasif dan tidak suka melibatkan diri dalam PdPc secara aktif. Oleh itu, perjumpaan selama lebih sejam tersebut memberikan peluang kepada guru untuk membincangkan masalah dan seterusnya cuba untuk mencari penyelesaian bersama.

Antara perkara yang dibincangkan hasil dari pemerhatian pada hari tersebut ialah terdapat beberapa orang murid berasa malu untuk membentangkan hasil dalam kumpulan kecil yang baharu dibentuk. Walaupun murid dapat menghasilkan peta *i-Think* dalam kumpulan masing-masing, namun apabila mereka membentuk kumpulan lain dan perlu membentang dalam kumpulan yang baharu, segelintir daripada mereka berasa malu dan kurang bersemangat dalam pembentangan. Siasatan kepada murid berkenaan sejurus tamat PdPc, menunjukkan bahawa mereka berasa kurang yakin untuk membentang di hadapan kumpulan lain. Terdapat juga murid yang mengalami kesukaran untuk memahami fakta yang disampaikan oleh pembentang. Misalnya, tiga orang murid mengalami kesukaran berbahasa Melayu dan Inggeris dan mereka sentiasa memerlukan perhatian yang khusus daripada guru sewaktu PdPc berlangsung.

Hasil perbincangan dalam refleksi berkumpulan, pelbagai cadangan telah diterima. Antaranya ialah guru Pendidikan Moral telah mencadangkan agar guru menggunakan lebih banyak pergerakan badan supaya murid yang lemah mudah memahami apa yang hendak disampaikan oleh guru melalui gaya yang ditunjukkannya. Guru Bahasa Melayu pula mencadangkan teknik penggunaan lagu untuk menghafal fakta selain membina akronim iaitu perkataan yang dibentuk hasil gabungan huruf-huruf pertama atau suku kata beberapa perkataan bagi murid yang susah

menghafal fakta Sejarah. Guru Geografi menyatakan kepentingan menjalankan pembelajaran terbeza di dalam kelas untuk murid yang berlainan tahap penerimaan pembelajaran mereka. Sebagai contoh, objektif pembelajaran boleh dibezakan kepada murid pandai, sederhana, dan lemah. Aktiviti yang dijalankan perlu berbeza, contohnya murid pandai dan sederhana boleh mencari maklumat berdasarkan aktiviti *Think, Pair and Share*, manakala murid yang lemah pula diberikan bahan bacaan dan mereka boleh menggariskan penting sambil dipantau oleh guru. Pelbagai cadangan lain juga diterima. Contohnya, lawatan ke Muzium Negara yang bertujuan supaya murid dapat melihat galeri era kolonial dan mendapat maklumat tambahan tentang zaman Perang Dunia. Guru juga sebulat suara bersetuju dengan pelaksanaan pembelajaran luar bilik darjah untuk meningkatkan minat murid terhadap subjek Sejarah dengan melihat sendiri tempat bersejarah.

## KESIMPULAN

Pendekatan *Lesson Study* Reflektif adalah satu amalan pembelajaran yang berfokuskan kepada pembelajaran murid dan kemajuan mereka sepanjang terlibat dalam pelaksanaan *Lesson Study*. *Lesson Study* Reflektif membolehkan guru menjadi pemudahcara pembelajaran murid dengan membuat kolaborasi dengan guru lain ke arah peningkatan pembangunan pendidikan untuk jangka masa yang panjang. Dengan adanya RPH yang berkualiti hasil usaha sama oleh guru Sejarah murid menunjukkan kemajuan dari segi penglibatan dalam aktiviti kelas. Guru sebagai pelajar sepanjang hidup digalakkan untuk sentiasa berbincang dengan guru lain. Ia bertujuan untuk memperbaiki kaedah pengajaran mereka. Guru juga perlu sentiasa membuat refleksi kendiri dan refleksi berkumpulan untuk membantu antara satu sama lain bagi menyelesaikan masalah berkenaan pembelajaran pelajar. *Lesson Study* berfungsi sebagai medium kerjasama antara guru dan memudahkan tugas guru dalam menyediakan bahan pembelajaran yang pelbagai.

## PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Pengetua dan barisan pentadbir atas sokongan untuk menjalankan *Open Class Research* di bawah pendekatan *Lesson Study* Reflektif. Terima kasih juga diucapkan kepada Guru B yang sama-sama berbincang dan menjalankan *co-teaching*. Selain itu, penghargaan juga ditujukan kepada guru Sejarah yang sanggup meluangkan masa untuk merancang aktiviti yang bersesuaian. Terima kasih diucapkan kepada guru yang telah terlibat dalam *Open Class Research* dan juga reflektif berkumpulan yang berkongsi pandangan dan cadangan untuk penambahbaikan pembelajaran Sejarah di sekolah ini. Akhir sekali, terima kasih diucapkan kepada semua murid yang terlibat atas kerjasama sepanjang projek dijalankan.

## Bibliography

Austin, L. (2017). Leading the Introduction and Development of Lesson and Learning Study in an English Secondary Academy. *International Journal for Lesson and Learning Studies* 6 (1): 80–96. doi:10.1108/IJLLS-10-2016-0036.

Albario, M., Guzman, M., Eugenio, H. A., Mendoza, J. P. (2014). Lesson Study: Physics-Specific Heat Capacity.

Sejarah tingkatan empat dengan pendekatan *Lesson Study* reflektif

Calleja, J. (2017). *Lesson Study Report: Making mathematical connections*. Msida, Malta.

Dudley, P. (2014) *Lesson Study: A Handbook*. *Lesson Study: a handbook* lessonstudy.co.uk diakses daripada <https://lessonstudy.co.uk/wp-content/uploads/2012/03/new-handbook-revisedMay14.pdf>

Dudley, P. (2011) *Lesson Study: what it is, how and why it works and who is using it*. Diakses daripada [https://lessonstudy.co.uk/wp-content/uploads/2012/03/Lesson\\_Study\\_Handbook\\_-\\_011011-1.pdf](https://lessonstudy.co.uk/wp-content/uploads/2012/03/Lesson_Study_Handbook_-_011011-1.pdf)

Hird, M., Larson, R., Okubo, Y., & Uchino, K. (2014). Lesson Study and Lesson Sharing: An Appealing Marriage. *Creative Education*, 5, 769-779.

Kishino, M. (2021). The Process and Organization of Long Span Reflective Lesson Study. Department of Professional Development of Teachers, Fukui: University of Fukui.

Lewis, C., & Tsuchida, I. (1997) Planned educational change in Japan: The Case of Elementary Science Instruction. *Journal of Educational Policy*, 12(5),313-331.

Moonsri, A., & Pattanajak, A. (2013) Lesson Planning in Primary School Using Lesson Study and Open Approach. *Psychology*, 4(12), 1064-1068.

Robers, M. (2010). Lesson Study: Professional Development and Its Impact on Science Teacher Self-Efficiency. Ph.D. Dissertation. New York: Colombia University.

Wolthuis, F., Veen, K. V., Vries, S. D., & Hubers, M. D. (2020). Between lethal dan local adaption: Lesson Study as an organizational routine. *International Journal of Education Research. International Journal of Educational Research* 100, Article 101534. <https://doi.org/10.1016/j.ijer.2020.101534>

## TEMUBUAL

Santiya Parthippen. 2022. Kogilah Suppiah, 35 tahun. 20 Jun 2023.

Santiya Parthippen. 2022. Mohamad Khadir M. Noor, 40 tahun. 20 Jun 2023.

Santiya Parthippen. 2022. Muhammad Zafrullah bin Sahudin, 35 tahun. 20 Jun 2023.

Santiya Parthippen. 2022. Tuan Rahayu bt. Tuan Lasan, 42 tahun. 20 Jun 2023.

Santiya Parthippen. 2022. Yogeswari Supramanian, 51 tahun. 20 Jun 2023.

<sup>1</sup> Dudley, P. (2014) *Lesson Study: A Handbook*, hlm. 1.

<sup>2</sup> Austin, L. (2017). Leading the Introduction and Development of Lesson and Learning Study in an English Secondary Academy. *International Journal for Lesson and Learning Studies* 6 (1): 80–96. doi:10.1108/IJLLS-10-2016-0036.

<sup>3</sup> Lewis, C., & Tsuchida, I. (1997) Planned educational change in Japan: The Case of Elementary Science Instruction. *Journal of Educational Policy*, 12(5),313-331, hlm.315

<sup>4</sup> Dudley, P. (2014) *Lesson Study: A Handbook*, hlm. 1.

<sup>5</sup> Calleja, J. (2017). *Lesson Study Report: Making mathematical connections*. Msida, Malta

<sup>6</sup> Wolthuis, F., Veen, K. V., Vries, S. D., & Hubers, M. D. (2020). Between lethal dan local adaption: Lesson Study as an organizational routine. *International Journal of Education Research. International Journal of Educational Research | ScienceDirect.com by Elsevier*

<sup>7</sup> Robers,M. (2010). Lesson Study: Professional Development and Its Impact on Science Teacher Self-Efficiency. Ph.D. Dissertation. New York: Colombia University

<sup>8</sup> Wolthuis, F., Veen, K. V., Vries, S. D., & Hubers, M. D. (2020). Between lethal dan local adaption: Lesson Study as an organizational routine. *International Journal of Education Research*. [International Journal of Educational Research | ScienceDirect.com by Elsevier](https://www.sciencedirect.com/science/journal/08981226).

<sup>9</sup> Kishino, M. (2021). The Process and Organization of Long Span Reflective Lesson Study. Department of Professional Development of Teachers. Fukui: University of Fukui.

<sup>10</sup> Hird, M., Larson, R., Okubo, Y., Uchino, K. (2014). Lesson Study and Lesson Sharing: An Appealing Marriage. *Creative education*, 5, 769-779, hlm .774

<sup>11</sup> Kishino, M. (2021). The Process and Organization ...

<sup>12</sup> *Ibid.*

<sup>13</sup> *Ibid.*

<sup>14</sup> *Ibid.*